



**PENGERUSI**  
*Chairman*  
**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**  
*Public Services Commission Malaysia*  
**ARAS 13, BLOK F1, KOMPLEKS F**  
**NO. 2, LEBUH PERDANA TIMUR A, PRESINT 1**  
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
**62000 PUTRAJAYA**

Telefon : 03-8091 9000  
Laman Web : <http://www.spa.gov.my>

Ruj. Kami : SPA.100-1/5/2 (20)

Tarikh : 7 Ogos 2024  
3 Safar 1446H

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Dato' Seri/Datuk Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

## **KESEGERAAN MENGAMBIL TINDAKAN OLEH KETUA JABATAN DAN LEMBAGA TATATERTIB DALAM URUSAN RAYUAN TATATERTIB**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sebagaimana yang dimaklumi, salah satu fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) selaras dengan Perkara 144(1), Perlembagaan Persekutuan adalah menjalankan **kawalan tatatertib** ke atas anggota-anggota perkhidmatan awam berada di bawah bidang kuasanya iaitu perkhidmatan awam am Persekutuan, perkhidmatan awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis. Bagi melaksanakan fungsi tersebut, SPA memainkan peranan antaranya sebagai **Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam (LRTT)**.

3. Untuk makluman, Peraturan 15 Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993 telah menetapkan **tempoh-tempoh masa yang perlu dipatuhi** oleh Ketua Jabatan dan Lembaga Tatatertib dalam urusan rayuan tatatertib pegawai. Peraturan 15(2) Peraturan yang sama memperuntukkan bahawa **Ketua Jabatan** hendaklah setelah menerima rayuan tatatertib daripada pegawai, **mengemukakan rayuan tatatertib pegawai berserta ulasannya** kepada Lembaga Tatatertib **tidak**

lewat daripada 30 hari dari tarikh penerimaan rayuan. Selanjutnya, Peraturan 15(3) Peraturan yang sama pula memperuntukkan **Lembaga Tatatertib** apabila menerima rayuan tatatertib pegawai dan ulasan Ketua Jabatan hendaklah, **mengemukakan rekod prosiding dan alasan keputusan Lembaga Tatatertib** kepada LRTT, **tidak lewat daripada 30 hari** penerimaan rayuan tersebut.

4. Dalam melaksanakan fungsi selaku LRTT, SPA mendapati terdapat **kelewatan di pihak Ketua Jabatan dan Lembaga Tatatertib** mengemukakan rayuan tatatertib kepada LRTT. Kelewatan ini berjumlah kepada **pelanggaran prosedur** yang ditetapkan dalam Peraturan 15 Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993. Ketidakteraturan prosedur ini boleh dijadikan **alasan yang kukuh** untuk pegawai mencabar keputusan LRTT apabila pegawai memfailkan permohonan **semakan kehakiman** di Mahkamah Tinggi.


5. Sehubungan itu, kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Dato' Seri/Datuk Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan selaku Ketua Jabatan atau Pengerusi Lembaga Tatatertib adalah dimohon untuk mengambil **perhatian serius** terhadap pemerhatian ini serta **mengambil tindakan dengan kadar segera, tepat dan teratur** dalam menguruskan kes rayuan tatatertib selaras dengan prinsip keadilan asasi serta mematuhi prosedur dan peraturan yang digariskan.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATO' SERI DR. AHMAD JAILANI BIN MUHAMAD YUNUS)**